



## **Siaran Media**

### **Kementerian Kewangan Malaysia**

# **KENYATAAN AKHBAR OLEH YB TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ MENGENAI BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA 2017 (BR1M)**

1. Kementerian Kewangan telah membuka permohonan rayuan Bantuan Rakyat 1Malaysia 2017 (BR1M 2017) bermula 3 April dan akan berakhir pada 31 Mei 2017. Sehingga kini, Kementerian Kewangan telah menerima hampir 200 ribu permohonan rayuan BR1M 2017.
2. Sepertimana yang diumumkan sebelum ini, Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk meluluskan pembayaran pertama BR1M 2017 kepada pemohon yang mempunyai pendaftaran perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tetapi tidak mengemukakan dokumen pendapatan yang lengkap seperti penyata pendapatan perniagaan atau penyata bank pemohon walaupun mempunyai pendapatan melalui perniagaan sendiri. Walau bagaimanapun, mereka masih perlu mengemukakan penyata pendapatan perniagaan atau penyata akaun bank yang berkaitan kepada LHDN semasa tempoh rayuan bagi tujuan semakan sebelum bayaran peringkat seterusnya dibuat. Sehingga kini, Kementerian Kewangan mendapati jumlah mereka yang menghantar dokumen sokongan ini adalah terlalu rendah. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan memohon kepada mereka yang berkaitan untuk menghantar dokumen tersebut bagi memastikan bayaran BR1M 2017 peringkat kedua dan seterusnya tidak terjejas.
3. Permohonan rayuan dan penghantaran dokumen sokongan boleh dibuat di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) termasuk di Pusat Khidmat Hasil (PKH) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang terdekat. Pemohon juga boleh menghantar permohonan secara pos ke Ibu Pejabat LHDN, Cyberjaya bersama dokumen sokongan yang berkaitan seperti penyata gaji dan salinan kad pengenalan pasangan/tanggungannya terkini.
4. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi talian bebas tol 1800-88-2716 serta email kepada: [br1m@treasury.gov.my](mailto:br1m@treasury.gov.my)

**Kementerian Kewangan Malaysia**  
**Putrajaya**

17 Mei 2017